



**PERSEKUTUAN PENGAKAP MALAYSIA**  
(THE SCOUTS ASSOCIATION OF MALAYSIA)

Rujuk : PPM-30(130)/2009

Tarikh : 18 Mei 2009

Semua Ketua Pesuruhjaya / Pesuruhjaya Pengakap Negeri

YBhg. Datuk / Dato' / Tuan,

**6<sup>TH</sup> ASIA-PACIFIC REGIONAL SCOUT YOUTH FORUM**

Dengan hormat dan sukacitanya dimaklumkan bahawa Persekutuan Pengakap Malaysia akan menjadi tuan rumah untuk 'Scout Youth Forum' pada 22 hingga 25 Oktober 2009 bertempat di Pusat Belia Antarabangsa (IYC), Cheras, Kuala Lumpur.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan, Persekutuan Pengakap Malaysia telah mengadakan sesi pemilihan peserta untuk kali pertama pada 20 – 22 Feb 2009 bertempat di Ibu Pejabat PPM. Jawatankuasa pemilihan berpandangan agar diberi peluang sekali lagi kepada negeri-negeri untuk menghantar peserta yang tidak dapat menghadiri pada sesi pemilihan kali pertama.

3. Sehubungan dengan itu, Persekutuan Pengakap Malaysia akan mengadakan sesi temuduga kali kedua untuk memilih calon-calon dan petugas-petugas yang akan mewakili Persekutuan Pengakap Malaysia dalam forum tersebut pada tarikh dan masa seperti berikut:

Tarikh : 12 – 14 Jun 2009 (Jumaat hingga Ahad).

Tempat : Kem Dr Shafie,  
Pantai Bagan Lalang  
Sepang, Selangor

Masa Melapor Diri : 3.00 hingga 4.00 petang (12 Jun 2009 – Jumaat)

4. Oleh itu, Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia memohon jasa baik YBhg. Datuk/Dato'/Tuan agar dapat memilih 5 orang ahli Pengakap Kelana yang berumur 18 hingga 26 tahun dan memajukan senarai nama tersebut ke Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia sebelum 30 Mei 2009. Kriteria-kriteria yang diperlukan dalam pemilihan calon-calon dan petugas untuk forum adalah seperti berikut:

- 4.1 Telah berdaftar sebagai ahli Pengakap bagi tahun 2009.
- 4.2 Boleh menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris.
- 4.3 Mempunyai budi pekerti yang baik.
- 4.4 Taat kepada pemimpin dan negara.
- 4.5 Berdisiplin.
- 4.6 Mengamalkan Persetiaan dan Undang-Undang Pengakap.

4.7 Mengetahui mengenai hal ehwal semasa dan Pengakap Sedunia (WOSM).

5. Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia juga memohon agar peserta membawa khemah serta peralatan peribadi untuk berkhemah, manakala makan dan minum bagi peserta-peserta akan disediakan oleh Ibu Pejabat Persekutuan Pengakap Malaysia.

Segala kerjasama daripada YBhg. Datuk/Dato'/Tuan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

### **“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA MELALUI KEPENGAKAPAN”**

Yang menjalankan tugas,  
Persekutuan Pengakap Malaysia



**MOHD ZAKI NURUD-DIN @ NORDIN**  
Ketua Setiausaha Eksekutif

- s.k : YBhg. Dato' Seri Ketua Pengakap Negara.  
: YBhg. Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara.  
: YBhg. Pesuruhjaya Latihan Negara.  
: YBhg. Penolong Ketua Pesuruhjaya Pengakap Negara (Program)  
: Tuan Haji Zakran bin Abd Manan  
'Host Organizing Committee Chairman'.  
: Encik Azlan bin Abd Jalil  
Pengarah 6<sup>th</sup> Scout Youth Forum  
: Setiausaha Eksekutif Kewangan